



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN SOAL SELIDIK KAJIAN
SISA DOMESTIK SEA CIRCULAR PROJEK
PERINTIS KAMPUNG PERMATANG NIBONG

OLEH

YANG BERTHORMAT TUAN PHEE BOON POH
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
MERANGKAP
PENGERUSI JAWATANKUASA ALAM SEKITAR DAN KEBAJIKAN

TARIKH / MASA / TEMPAT
27 SEPTEMBER 2020 (AHAD)
10.15 PAGI

DEWAN ORANG RAMAI PERMATANG NIBONG
SEBERANG PERAI TENGAH

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar dan Kebaji

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud

Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ms Josephine Tan Mei Ling

General Manager
Penang Green Council

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Encik Rosli Bin Ishak

Pengerusi Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Berhad

Encik Anas Bin Mohd Kassim

Pengerusi Koperasi Lestari Alam Sekitar Seberang Perai Berhad

Para Penduduk Permatang Nibong

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Pelancaran Soal Selidik Kajian Sisa Domestik *SEA Circular* Projek Perintis Kampung Permatang Nibong di Dewan Orang Ramai Permatang Nibong. Program ini adalah anjuran bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Penang Green Council (PGC) dengan kerjasama daripada Pusat Sumber Alam Sekitar Permatang Nibong.

Jangan lupa tuan-tuan dan puan-puan untuk mematuhi SOP penjarakkan sosial dan memakai pelitup muka untuk mengelakkan penularan wabak pandemik Covid 19 ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh kerana sudi hadir merasmikan serta melancarkan program pada pagi ini. Selain itu, sekalung penghargaan juga diucapkan kepada Ms Josephine Tan Mei Ling, General Manager, *Penang Green Council* serta Encik Rosli Bin Ishak, Pengerusi Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Berhad dan Encik Anas Bin Mohd Kassim, Pengerusi Koperasi Lestari Alam Sekitar Seberang Perai

Berhad di atas kerjasama yang tidak berbelah bahagi dalam membantu merealisasikan impian MBSP ke arah Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022. Terima kasih kepada para hadirin sekalian terutamanya para penduduk Kampung Permatang Nibong yang sudi meluangkan masa menghadiri majlis pada pagi ini dan seterusnya melibatkan diri dalam memberi maklum balas dalam soal selidek yang dilancarkan pagi ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

MBSP mempunyai visi yang jelas iaitu:-

“Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi”.

Misi MBSP pula ialah

“Menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai “.

Justeru, bagi merealisasi wawasan yang agong ini, MBSP menetapkan tiga (3) sasaran korporat:-

1. Bandar Raya Rendah Karbon tahun 2022
2. Bandar Raya Neutral Karbon 2030
3. Bandar Raya Sifar Karbon 2050

MBSP juga komited bersama bandaraya-bandaraya besar di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global 1.5⁰C. Manakala ukuran pencapaian atau KPI adalah:-

- i. Peningkatan 70% kadar kitar semula.
- ii. Pengurangan sisa 50% perkapita iaitu 1.6kg perkapita kepada 0.8kg perkapita.

- iii. Pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) daripada 8.0 tons CO₂e kepada 4.0 tons CO₂e.

- iv. 15% penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui (RE).

- v. 100% lampu jalan LED.

- vi. CBD bagi setiap daerah berkonsepkan TOD.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Pada awal tahun 2020, MBSP telah melancarkan *Seberang Perai Climate Action Strategy*, sebuah dokumen yang menggariskan komitmen dalam memerangi perubahan iklim dan menghadkan pemanasan global pada suhu 1.5⁰C menjelang tahun 2030. Salah satu sektor penting yang dikenalpasti ialah *Waste* dan *Circular Economy*.

Perubahan daripada *Linear Model* kepada *Circular Model* adalah satu kemestian dan tindakan pro aktif. Jika pola penghasilan sampah tidak dibendung, Seberang Perai akan berdepan dengan krisis baharu alam sekitar pada tahun 2030 di mana penghasilan sampah dijangka mencapai sekitar 1.86 juta tan setahun berbanding 1.14 juta tan setahun pada tahun 2019. Tapak Pelupusan Pulau Burung akan menjadi tepu dan memerlukan tapak pelupusan baru. Kos pengurusan sisa akan meningkat 100% malahan mungkin tidak mampu ditampung dari hasil cukai yang dipungut.

Justeru pada 19 September 2020, *Seberang Perai Circular Economy Roadmap* dilancarkan yang menjadi panduan dalam memastikan pola penghasilan dan penggunaan (*Production and Consumption Pattern*) di Seberang Perai dapat diubah daripada *Linear Model* kepada *Circular Model*. *Linear Model* menggunakan bahan mentah yang dijadikan sebagai produk dan seterusnya dilupuskan apabila selesai digunakan. *Linear Model* mengamalkan prinsip “*take-make-use-dispose*” di mana akhirnya akan memberikan tekanan kepada pelupusan akhir (*end disposal*). Selain itu, *Linear Model* juga menggunakan bahan mentah secara tidak terhad di mana akhirnya akan berlakunya kekurangan sumber dan mengakibatkan peningkatan pada kos barangan yang dijual.

Circular Model berpaksikan penggunaan semula produk dan bahan mentah serta mencegah pembaziran dan pelepasan yang merbahaya pada tanah, air dan udara. Dalam erti kata mudah, *Circular Model* menumpukan untuk *Closing the Loop* dan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber (*Resource efficient*) dalam memaksimumkan penghasilan produk. *Seberang Perai Circular Economy Roadmap* ini mempunyai lapan (8) Bidang Keberhasilan Utama atau KRA iaitu:-

- i. Tapak Pelupusan
- ii. Industri Kitar Semula
- iii. Sisa Makanan
- iv. Plastik sekali guna
- v. Sisa Binaan
- vi. Sisa Elektronik
- vii. Tenaga boleh Diperbaharui
- viii. Pengurusan Air dan Air Kumbahan

Yang Berhormat, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Setiap Bidang Keberhasilan utama ini telah ditetapkan KPI yang perlu dicapai mengikut tahun. Pada Tahun 2022, disasarkan 70% kadar kitar semula, 5% penggunaan Tenaga boleh diperbaharui, mewujudkan pusat pemprosesan sisa binaan dan mewujudkan Dasar *Extended Producer Responsibility (EPR)* di Seberang Perai.

Pada tahun 2025 pula disasarkan 75% kadar kitar semula, 50% pelencongan sisa makanan, 40% pengurangan kebergantungan kepada tapak pelupusan, 20% penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan pelaksanaan Dasar *Extended Producer Responsibility (EPR)* di Seberang Perai.

Manakala pada tahun 2030 pula, disasarkan 80% kadar kitar semula, 90% pelencongan sisa makanan, 30% Penggunaan tenaga boleh diperbaharui, mewujudkan *system waste to energy* dan mencapai status Bandaray Sisa Sifar (*Zero Waste City*).

Seberang Perai Circular Economy Roadmap ini akan bertindak sebagai Kerangka Dasar bagi tempoh sepuluh (10) tahun akan datang dalam bidang Pengurusan Sisa Pepejal. Oleh yang demikian, *Seberang Perai Circular Economy Roadmap* kini dibuka untuk tatapan seluruh warga Seberang Perai. MBSP akan mengadakan program konsultasi bersama semua pihak berkepentingan bagi mendapatkan input dalam menghasilkan Pelan Tindakan yang dijangka akan dilancarkan pada Januari 2021.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Kampung Permatang Nibong adalah satu perkampungan yang dikelilingi oleh sawah padi dan terdiri dari 110 unit rumah. Sempena pemasyhuran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada 16 September 2019, Kampung Permatang Nibong telah diisytiharkan sebagai Kampung *Upcycle*. Permatang Nibong telah dipilih sebagai Kampung *Upcycle* berasaskan kreativiti dan inovasi serta komitmen penduduk di sini mengumpul barang-barang untuk dijadikan kraftangan serta menghasilkan produk-produk *upcycle* yang menarik dan boleh dipasarkan. Melalui Koperasi Lestari Alam Sekitar dan Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Berhad promosi jualan *upcycle* telah mencapai kejayaan yang membanggakan.

Sejak tahun 2012 lagi, penduduk Permatang Nibong mula terlibat dengan program-program komuniti mampan. Pada 30 September 2012, Kampung Permatang Nibong terlibat dalam program CIMB–*Community Link* yang menjalankan program pengkomposan sisa dapur dan menyaksikan penyertaan penduduk yang amat memberangsangkan.

Pusat Sumber Alam Sekitar Permatang Nibong yang telah ditubuhkan sejak 19 Januari 2013, telah melaksanakan pengumpulan barang kitar semula dengan jayanya. Pusat ini juga telah menjadi tempat pendidikan bagi penjagaan alam sekitar dan mendapat perhatian untuk dilawati terutamanya daripada pegawai *Global Environment Centre Japan* dan *United Nations Environment Programme* (UNEP).

Penduduk Kampung Permatang Nibong juga menjalankan kebun kejiranan (*community farming*) dan hasil sayur-sayuran yang ditanam dibahagikan sesama penduduk yang mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut. Pada tahun 2014, sebuah loji biogas telah ditaja oleh SVAC ViroGREEN Sdn. Bhd. yang berkapasiti satu (1) meter padu dan boleh menjana biogas untuk kegunaan memasak selama dua (2) jam setiap hari. Jumlah sisa organik yang perlu dimasukkan dalam loji biogas adalah sebanyak 2 kg sisa organik / hari.

Pada penghujung tahun 2013, penduduk Kampung Permatang Nibong telah mengambil inisiatif dengan melibatkan diri dalam bidang menjahit bahan-bahan plastik. Program ini adalah kerjasama di antara MBSP dengan SVAC ViroGreen Sdn Bhd. SVAC Virogreen Sdn Bhd dengan rantaianya Kilus Cooperative Foundation, Filipina telah menghantar tiga (3) orang yang pakar dalam menjahit, menganyam dan memanic untuk melatih penduduk Permatang Nibong untuk mengguna semula pembungkus plastik atau *doy pack* yang tidak dapat dikitar semula atau dibuang sebagai sampah untuk dijadikan barangan seperti beg. Selain itu, kelas menganyam bahan plastik juga dijalankan untuk menghasilkan anyaman dan memanic atau membuat aksesori seperti gelang atau rantai dari kertas majalah terpakai yang mempunyai nilai pasaran. Seramai 34 orang penduduk telah menghadiri bengkel yang diadakan dengan jayanya. Di sinilah bermulanya industri *upcycle* di Permatang Nibong.

Penduduk Permatang Nibong seterusnya menubuhkan Koperasi Lestari Alam Sekitar Seberang Perai Berhad bagi memastikan kemampunan program yang dianjurkan dan membantu penduduk menjana satu perniagaan di mana "*sampah dapat ditukar kepada wang*" dan ia bukan lagi sebagai hobi. Koperasi ini menjadi agen pemasaran bahan-bahan yang dihasilkan oleh penduduk. Dengan cara ini membantu dalam pembiayaan perbelanjaan pengurusan dan menjana pendapatan tambahan ahli-ahli koperasi. Disini,

saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih SVAC ViroGreen Sdn. Bhd. kerana membantu memasarkan produk / beg-beg yang dijahit ke luar negara.

Di Kampung Permatang Nibong ini juga terdapat aktiviti penanaman padi organik. Kombinasi antara keindahan landskap dan aktiviti penanaman padi organik diharap satu hari nanti, mampu menjadikan Kampung Permatang Nibong sebagai salah satu pusat agro pelancongan.

Penduduk Kampung Permatang Nibong juga telah terlibat dalam Pertandingan Halaman Rumah Bersih Dan Indah Permatang Nibong yang menilai setiap rumah dan penghuninya dari segi kecantikan dan kebersihan kawasan atau perkarangan rumah masing-masing dan penglibatan mereka dalam mengamalkan kitar semula dan sisa sifar.

Dengan penglibatan dan sokongan padu penduduk dalam menjalankan kegiatan-kegiatan 8R, pengkomposan, kebun kejiranan, pengumpulan barangan buangan dan juga penghasilan barangan *upcycle* menunjukkan kesungguhan warga Kampung Permatang Nibong dalam mewujudkan komuniti sisa sifar.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Atas dasar penglibatan pusat ini secara aktif dalam kegiatan kitar semula dan aktiviti kehijauan, pusat ini telah dipilih untuk Program Kajian Kes Projek Perintis. Kementerian Alam Sekitar dan Air serta *Penang Green Council* sedang berkerjasama dengan *UN Environment Programme (UNEP)*, *the Coordinating Body on the Seas of East Asia (COBSEA)* dalam pelaksanaan projek serantau yang berjudul "*Reducing Marine Litter by Addressing the Management of the Plastic Value Chain in South East Asia*" yang disokong oleh Kerajaan Sweden melalui *International Development Cooperation Agency (SIDA)*.

Negeri Pulau Pinang telah dipilih sebagai salah satu daripada dua lokasi di Malaysia dalam program ini untuk mengambil bahagian dalam mendokumentasikan kajian kes untuk membantu mengenal pasti dan mengembangkan penyelesaian berdasarkan-pasaran (*market-based solutions*) dalam usaha mengurangkan plastik, mempromosikan kitar semula dan meningkatkan pencarian dan pemuliharaan plastic (*plastic recovery*).

Secara amnya, program ini bertujuan mengurangkan kesan buruk pencemaran plastik terhadap persekitaran laut, dengan mengubah pengurusan plastik dan mencegah kebocoran sampah. Output atau matlamat utama program ini adalah:-

1. Mengenal pasti dan mengembangkan penyelesaian berdasarkan-pasaran (*market-based solutions*) untuk mengurangkan plastik sekali guna dan sukar dilupus, menggalakkan kitar semula, dan meningkatkan pemuliharaan plastik (*plastic recovery*).
2. Memperkukuhkan asas bukti untuk membuat keputusan yang tepat dalam mengawal pencemaran laut dengan meningkatkan kapasiti di peringkat nasional untuk memantau aliran bahan plastik dan menilai titik bocor sampah sesuai dengan amalan terbaik global.
3. Membuat jangkauan yang meluas untuk mempromosikan perubahan tingkah laku di kalangan pengguna dan industri plastik dan memberi ruang untuk pengembangan dasar, berdasarkan kempen yang ada.

4. Sokongan teknikal yang disasarkan untuk mengembangkan perancangan pencemaran laut di peringkat nasional yang koheren di rantau dan mempromosikan metodologi, kerangka penunjuk dan proses / sistem pelaporan yang diselaraskan selaras dengan Pelan Tindakan Wilayah COBSEA mengenai Pencemaran Laut dan usaha Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).

Program ini secara amnya berada di bawah *SEA Circular*, yang merupakan satu inisiatif *UN Environment Programme and the Coordinating Body on the Seas of East Asia (COBSEA)* yang menggalakkan penggunaan kaedah *market-based solutions* dan polisi-polisi yang bertujuan mencari penyelesaian dalam mencegah pencemaran plastik di laut. *SEA Circular* bekerjasama dengan negara di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah; sektor swasta, kumpulan masyarakat dan NGO untuk mempromosikan prinsip-prinsip ekonomi *circular* dan mencari penyelesaian terhadap pencemaran plastik di laut. *SEA Circular* bergerak dalam menyokong *market-based solutions*, menambah ilmu pengetahuan dan kefahaman, meningkatkan kesedaran dan menggalakkan perubahan tingkah laku yang mengurangkan buangan plastik ke laut.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Program Kajian Kes Projek Perintis di Kampung Permatang Nibong adalah untuk:-

- I. merancang secara strategik kaedah pengurangan kesan buruk pencemaran laut akibat daripada kebocoran plastik yang mengalir keluar ke laut.
- II. mengembangkan *circular economy* di kalangan masyarakat berhubung kitar semula plastik dan memastikan kelestarian jangka panjang dan membantu dalam mengurangkan sampah sarap dan buangan dihantar ke tapak pelupusan.
- III. mewujudkan budaya atau norma baharu di kalangan masyarakat bersama-sama melaksanakan aktiviti-aktiviti secara fizikal dan berkesan dalam pencegahan pencemaran alam.

Kajian kes ini adalah untuk menetapkan jenis-jenis dan ciri-ciri sisa domestik yang dijana. Ini termasuklah keseluruhan sampah dan buangan yang dijana yang dipecahkan di bawah kompenen kertas, sisa makanan, plastik, besi, kaca, bukan ferus, tekstil / getah dan e-buangan. Kajian ini juga dijangka menggalakkan penduduk sekitar memberikan komitmen dalam usaha untuk mengasingkan sampah yang akan menjadi norma baharu.

Hari ini kita akan melancarkan soal selidik kajian sisa domestik *SEA Circular* Projek Rintis yang akan melibatkan kerjasama kesemua rumah di Kampung Permatang Nibong. Penghuni rumah diperlukan untuk mengisi borang soal selidik dan diminta untuk memisahkan sisa domestik basah dan kering ke dalam beg plastik berlabel selama dua hari. Sisa yang dikumpulkan dibawa ke pusat dan dipecahkan lagi kepada beberapa kategori yang ditentukan, ditimbang dan dicatat. Proses ini akan berjalan selama dua minggu dan didokumentasikan berserta bukti fotografi. Hasil yang diperolehi akan dianalisa menggunakan alat statistik dan ditabulasikan bila-bila masa yang sesuai untuk menggambarkan penemuan tersebut.

Susulan daripada penemuan hasil kajian ini akan membolehkan satu perancangan dirangka untuk menghalang atau mengurangkan sisa domestik yang dihantar ke tapak pelupusan. MBSP yakin dengan kepimpinan tempatan yang kuat di Kampung Permatang Nibong akan dapat mencapai

objektif yang diinginkan iaitu untuk mencegah kebocoran sampah plastik ke tempat pembuangan sampah atau pencemaran laut. Akan ada perubahan tingkah laku dengan tidak mencemarkan alam sekitar dan menjadi budaya dalam kehidupan seharian mereka. Amalan terbaik di Kampung Permatang Nibong dapat ditiru kepada penduduk lain di bandar Seberang Perai

Yang Berhormat, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa kerjasama dan komitmen daripada penduduk Seberang Perai, organisasi-organisasi atau agensi kerajaan dan swasta adalah amat diperlukan oleh MBSP. Tanpa Smart Partnership, saya yakin hasrat untuk mencapai *Low Carbon City* pada tahun 2022 adalah sukar untuk dicapai. Justeru, saya ingin menjemput dan mengalakkan lagi lebih banyak agensi-agensi swasta dan kerajaan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti ke arah bandaraya rendah karbon. MBSP juga akan sentiasa memastikan bahawa kita seiring dengan hasrat *Penang2030*. Oleh itu, marilah sama-sama kita berganding bahu bagi mencapai **Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan.**

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih.